

Headline **Mimos, KACST jalin kerjasama penyelidikan**
Date **07. Nov 2007** Language **MALAY**
Media Title **Harian Metro** Page No **4**
Section **Variasi** Article Size **293** cm2
Circulation **172903** Frequency **Daily**
Readership **605160** Color **Full Color**



Mimos, KACST jalin kerjasama penyelidikan



KERJASAMA...Abdul Wahab (dua dari kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Dr Turki selepas menandatangani perjanjian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Headline Mimos, KACST jalin kerjasama penyelidikan
Date 07. Nov 2007
Media Title Harian Metro

MIMOS menjalin kerjasama dengan King Abdul Aziz City for Science and Technology (KACST), organisasi saintifik bebas berpangkalan di Riyadh, untuk menggalak serta mempromosi kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk tempoh lima tahun.

Antara bidang R&D yang dikenal pasti termasuk infomatik dimajukan, teknologi komunikasi, keselamatan ruang siber, sistem enkripsi, sistem mekanikal mikroelektro dan nano elektro, optik konvensional dan optik kuantum.

Kerjasama itu termasuklah pemindahan teknologi dan perkomersilan.

Ia membolehkan kedua-dua organisasi memperkukuhkan R&D masing-masing, selain berkongsi sumber dan bertukar-tukar hasil inovasi terutama dalam industri berteknologi tinggi.

KACST ditubuhkan pada 1977 bertujuan menyokong dan mempromosi sebarang bentuk penyelidikan saintifik dan mengkoordinasikan aktiviti institusi penyelidikan saintifik sejajar dengan keperluan pelan pembangunan

Arab Saudi.

Ia merangkumi beberapa institusi penyelidikan termasuk Institut Penyelidikan Komputer dan Elektronik; Petroleum dan Petrokimia; Penyelidikan Tenaga; Sumber dan Pembangunan; Astronomi dan Geofizik; serta Penyelidikan Angkasa.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, menandatangani bagi pihak Mimos, sementara KACST diwakili Naib Presiden, Institut Penyelidikannya, Dr Turki Al Saud.